

MODEL PEMBELAJARAN DIGITAL INTERAKTIF DALAM
PENDIDIKAN ISLAM DI BUKIT SENTOSA, RAWANG
SELANGOR

NORAZLINDA UMAIRA BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023

MODEL PEMBELAJARAN DIGITAL INTERAKTIF DALAM PENDIDIKAN
ISLAM DI BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR

NORAZLINDA UMAIRA BINTI ABDULLAH

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI JAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023

MODEL PEMBELAJARAN INTERAKSI ABAD 21 DALAM PENDIDIKAN
ISLAM DI DAERAH SELANGOR

NORAZLINDA UMAIRA BINTI ABDULLAH
D20192091327

PROJEK TAHUN AKHIR INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH
SARJANA MUDA PENDIDIKAN ISLAM (DENGAN KEPUJIAN)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونڤوسيتي فنڤديڤقن سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **TARIKH HANTAR**

i. Perakuan Pelajar:

Saya **NORAZLINDA UMAIRA BINTI ABDULLAH (D20192091327), FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa laporan projek tahun akhir yang bertajuk **MODEL PEMBELAJARAN DIGITAL INTERAKTIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa etika, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta yang telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR.MIFTACHUL HUDA (SV)** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **MODEL PEMBELAJARAN DIGITAL INTERAKTIF DALAM PENDIDIKAN ISLAM DI BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kemanusiaan bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN.**

04/07/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia





TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Latihan Ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pihak Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyediaan Latihan Ilmiah ini.

(04 Julai 2023)

DISCLAIMER



This Academic Exercise is prepared here in partial fulfilment of the requirement for the Degree Bachelor of Education University. The Department of Islamic Studies, Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University makes no responsible for any claim for the third part with regards to the production of this Academic Exercise.

(04 July 2023)





PENGHARGAAN

Pertama dan selamanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi syukur kehadiran Ilahi, kerana limpah dan kurniaNya saya dapat menghabiskan penulisan ini . Banyak dugaan dan cabaran yang dihadapi sepanjang menyempurnakan tesis ini. Dan sedikit sebanyak perkara yang telah saya pelajari secara tidak langsung dan menjadikan diri ini sebagai seorang yang sabar dalam menempuhi setiap ujian yang ada dalam hidup ini. Sejajurnya, saya tidak akan mampu menyempurnakan tugas ini melainkan dengan kudrat, bantuan dan kekuasaan Allah SWT. Tanpa hidayahNya, saya tidak mampu menyiapkan tesis ini dengan baik.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada penyelia saya Dr. Miftachul Huda di atas bimbingan, nasihat, kritikan dan komen berterusan yang diberikan sepanjang proses penulisan tesis ini. Berkat kesabaran dan tunjuk ajar beliau dalam mencurahkan ilmu, saya dapat menyiapkan tesis ini pada akhirnya. Tesis yang dinukilkan ini tidak dilupakan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua orang tua saya yang amat disayangi yang telah pergi meninggalkan dunia ini Abdullah Bin Mohd Yunus dan Norzita Binti Abd Mutalib kerana sentiasa mendoakan kejayaan anaknya pada suatu ketika dahulu.

Dan tidak dilupakan juga buat suami dan anak yang tercinta bersabar dan tidak putus mendoakan melihat perjuangan saya sehingga dapat menyempurnakan tugas ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan kos pengajian yang sentiasa membantu, memberi teguran, semangat dan pertolongan ketika penulisan ini dilaksanakan. Secara keseluruhan, sekalung penghargaan buat semua yang terlibat dalam jabatan Pendidikan Islam, Fakulti Sains kemanusiaan dan Pihak universiti Pendidikan Sultan Idris sepanjang kajian ini dijalankan. Sekian terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui model pembelajaran digital interaktif dalam Pendidikan Islam dalam kalangan sekolah menengah di Bukit Sentosa, Rawang Selangor. Dalam meniti arus kemodenan yang semakin canggih dan moden ini, sistem pendidikan semakin hari semakin berkembang kerana banyak perubahan teknologi yang mengikut peredaran zaman. Oleh demikian, kewujudan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah bukan sahaja untuk mempelajari ilmu agama Islam secara berhala sahaja, malah amalan pengajaran yang berbeza dari segi silibus telah menyebabkan kewujudan bahan bantu mengajar (BBM) yang menggunakan sistem pendigitalan sebagai satu kaedah penyampaian guru kepada murid untuk melihat keberkesanan sesi Pdp dijalankan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kemahiran murid dalam model pembelajaran digital interaktif sebagai modul pengajaran. Selain itu, pengkaji ingin mengetahui tahap pengetahuan, tahap penerimaan dan mengenalpasti penerimaan murid dalam model pembelajaran digital interaktif dalam Pendidikan Islam. Hal ini kerana setiap keberkesanan sesuatu perkara semestinya mempunyai faktor yang menyokong dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam. Data diperolehi daripada 111 responden daripada murid tingkatan satu hingga lima. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang dilakukan menerusi tinjauan dengan mendedarkan borang soal selidik dalam bentuk google form kepada responden yang terdiri daripada murid-murid sekolah menengah di Bukit Sentosa, Rawang Selangor. Dengan menggunakan analisa spss (Statistical Package for Social Sciences), hasil kajian mendapati bahawa penggunaan dalam model pembelajaran digital interaktif sangat relevan pada masa kini dan ia berada pada tahap tinggi secara keseluruhan. Kajian ini menunjukkan bahawa item-item yang telah ditujukan kepada responden berkaitan penggunaan model pembelajaran digital interaktif membantu murid dalam pembelajaran Pendidikan Islam.





INTERACTIVE DIGITAL LEARNING MODEL IN ISLAMIC EDUCATION AMONG SECONDARY SCHOOLS IN BUKIT SENTOSA, RAWANG SELANGOR.

ABSTRACT

This study aims to find out the interactive digital learning model in Islamic Education among secondary schools in Bukit Sentosa, Rawang Selangor. In following the trend of modernity that is becoming more sophisticated and modern, the education system is growing day by day due to many technological changes that follow the times. Therefore, the existence of Islamic Education learning in schools is not only to learn Islamic knowledge in an idolatrous way, but different teaching practices in terms of syllabus has led to the existence of teaching aids (BBM) that use the digitalization system as a method of delivery by teachers to students to see the effectiveness of the Pdp session. The objective of this study is to identify and identify students' skills in the interactive digital learning model as a teaching module. In addition, the researcher wants to know the level of knowledge, the level of acceptance and identify the acceptance of students in the interactive digital learning model in Islamic Education. This is because every effectiveness of something must have a supporting factor in the Interactive Digital Learning Model in Islamic Education. Data was obtained from 111 respondents from first to fifth grade students. This study uses a quantitative method conducted through a survey by distributing questionnaires in the form of google forms to respondents who are secondary school students in Bukit Sentosa, Rawang Selangor. By using spss (Statistical Package for Social Sciences) analysis, the results of the study found that the use of interactive digital learning models is very relevant nowadays and it is at a high level overall. This study shows that the items that have been addressed to respondents related to the use of interactive digital learning models help students in learning Islamic Education.



ISI KANDUNGAN

<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
PERAKUAN	I
TUNTUTAN PIHAK KETIGA	II
PENGHARGAAN	III
ABSTRAK	IV
ABSTRACT	V
SENARAI JADUAL	XI
SENARAI RAJAH	XII
SENARAI SINGKATAN	XIII
SENARAI LAMPIRAN	XIV

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	5
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	9
1.8	Kerangka Teori Kajian	12
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	13
1.10	Kepentingan Kajian	14
1.11	Batasan Kajian	14

1.12	Definasi Istilah Kajian	15
1.12.1	Pembelajaran digital	15
1.12.2	Digital Interaktif	16
1.12.3	Gaya Pembelajaran	17
1.12.4	Pendidikan Islam	18
1.13	Penutup	18

BAB II SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Digital	20
2.3	Digital Interaktif dalam pembelajaran	21
2.4	Pendidikan Islam	24
2.5	Penggunaan Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam	27
2.6	Teori Kompetensi	29
2.7	Kajian Lepas	31
2.8	Kesimpulan	34

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	35
3.2	Reka Bentuk	36
3.3	Kaedah Persampelan	37

3.3.1	Responden Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	37
3.5	Kesahan dan keboleh percayaan	41
3.6	Kajian Rintis	43
3.6.1	Dapatan Kajian Rintis	44
3.7	Kaedah Pemerolehan Data	45
3.8	Tatacara Penganalisisan Data	47
3.9	Penutup	49

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Deskriptif	51
4.2.1	Latar belakang Responden Kajian	51
4.3	Analisis Data Deskriptif (Skor Min, Sisihan Piawai Dan Tahap)	53
4.3.1	Kemahiran murid dalam Modul Pembelajaran Digital Interaktif	54
4.3.2	Tahap pengetahuan murid dalam pembelajaran digital interaktif sewaktu PdPc atau di sekolah.	57
4.3.3	Tahap penerimaan murid dalam menggunakan digital interaktif dalam pembelajaran sewaktu PdPc atau di sekolah.	60
4.3.4	Penerapan modul pembelajaran digital interaktif	

semasa PdPc atau di sekolah.	63
4.3.5 Faktor yang menyokong dalam Modul Pembelajaran Digital Interaktif sewaktu PdPc atau di sekolah.	67
4.4 Analisis Kebolehpercayaan	70
4.5 Rumusan	72

BAB V PENUTUP

5.1 Pengenalan	73
5.2 Ringkasan Keseluruhan Kajian	74
5.3 Ringkasan Setiap Dapatan Kajian	77
5.3.1 Mengenalpasti kemahiran murid dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif sebagai modul pengajaran.	77
5.3.2 Mengenalpasti tahap pengetahuan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah Bukit Sentosa,Rawang Selangor.	78
5.3.3 Mengenalpasti tahap penerimaan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di sekolah	

	menengah Bukit Sentosa, Rawang Selangor.	78
5.34	Mengenalpasti penerapan Modul Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah Bukit Sentosa, Rawang Selangor.	79
5.3.5	Mengenalpasti faktor yang menyokong dalam model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam.	80
5.4	Implikasi Kajian	80
5.4.1	Pendidik	80
5.4.2	Pengkaji akan datang	80
5.5	Cadangan Kajian	81
5.6	Kesimpulan	82
	Rujukan	83
	Lampiran	

**SENARAI JADUAL****PERKARA****MUKA SURAT**

Jadual 3.1:	Senarai bahagian Dalam Borang Soal Selidik	35
Jadual 3.2	Penggunaan Skala Likert dalam Borang Soal Selidik	36
Jadual 3.3	Nilai Alpha Crobach (Bond & Fox, 2015)	39
Jadual 3.4	Cara menganalisis data	44
Jadual 3.5	Petunjuk nilai skor min	45
Jadual 4.1	Latar belakang responden kajian berdasarkan tingkatan murid	46
Jadual 4.2	Latar belakang responden kajian berdasarkan nama sekolah responden	47
Jadual 4.3	Latar belakang responden kajian berdasarkan kawasan penempatan	48
Jadual 4.4	Garis Panduan Skor Min Elemen Pemboleh Ubah	49
Jadual 4.5	Dapatan data kemahiran murid dalam Modul Pembelajaran Digital Interaktif	51
Jadual 4.6	Tahap pengetahuan murid terhadap perlaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif	54
Jadual 4.7	Tahap penerimaan murid terhadap perlaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif	58
Jadual 4.8	Penerapan modul pembelajaran digital interaktif semasa PdPc atau di sekolah.	61
Jadual 4.9	Faktor yang menyokong dalam Modul Pembelajaran Digital Interaktif sewaktu PdPc atau di sekolah	64
Jadual 4.10	Analisis Kebolehpercayaan	67



SENARAI RAJAH

PERKARA

MUKA SURAT

Rajah 1.1	Teori Kompetensi	12
Rajah 1.2	kerangka konseptual kajian berdasarkan Teori Kompetensi	13

SENARAI SINGKATAN

1. SMK = Sekolah Menengah Kebangsaan
2. BBM = Bahan bantu mengajar
3. ICT = Information and Communication Technologies
Teknologi Maklumat dan Komunikasi
4. PDP = Pembelajaran dan Pengajaran
5. LM = Latihan mengajar
6. SAW = Sallahu'alahi wasallam
7. SPSS = Statiscal Package for the Social Science

SENARAI LAMPIRAN

PERKARA

MUKA SURAT

Borang kaji selidik

85

Borang kebenaran membuat rujukan dan

Kaji selidik

86



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1PENGENALAN

Bab ini menghuraikan keseluruhan kajian yang dijalankan. Perbincangan ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, bab ini juga menjelaskan kerangka teori yang membahaskan lagi perincian kajian berserta kerangka konseptual kajian yang mengandungi pembolehubah dan elemen yang boleh diukur dan perincian maklumat kajian yang diperolehi. Bab ini juga membincangkan berkaitan kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi istilah kajian yang memberikan banyak lagi input kepada pembaca untuk memahami kajian ini dengan lebih mendalam. Secara tuntasnya, kajian ini penting dijalankan kerana Model Pembelajaran Digital Interaktif Pendidikan Islam adalah satu elemen penting dalam membantu meningkatkan pembelajaran murid. Justeru, elemen ini juga berfungsi untuk memantapkan jati diri pelajar dari segi ilmu agama yang dapat dipelajari dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian untuk mencapai keredaan Allah SWT. Disamping itu, penulis juga turut membincangkan latar belakang kajian serta tujuan kajian untuk lebih mengenali lebih mendalam kajian yang dijalankan.





1.2 Latar belakang Kajian

Dalam meniti arus kemodenan yang semakin canggih dan moden ini, sistem pendidikan semakin hari semakin berkembang kerana banyak perubahan teknologi yang mengikut peredaran zaman. Tidak dinafikan perkembangan dalam dunia pendidikan turut memberi impak positif setelah selarasnya perkembangan teknologi amalan pengajaran dalam kalangan guru turut mengalami perubahan ketara tidak seperti pada zaman nenek moyang dahulu. Selain itu, amalan pengajaran yang berbeza dari segi silibus, bahan bantu mengajar (BBM) ,cara penyampaian guru dan sebagainya yang telah membawa kepada perubahan dengan mempunyai pemikiran kritis, kreatif dan inovasi. Pengajaran pula tidak semestinya menumpukan kepada akademik semata-mata akan tetapi ia lebih tertumpu kepada pembentukan sahsiah yang unggul, disiplin murid dan akhlak baik yang membawa kepada keredaan Allah SWT. Oleh demikian, kewujudan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah bukan sahaja untuk mempelajari ilmu agama Islam semata malah perlu diterapkan dan diaplikasikan oleh murid-murid dalam kehidupan agar membawa kepada kebaikan dunia dan akhirat.

Namun begitu, pentingnya tugas seorang guru untuk memberi ilmu dan mendidik murid dengan baik untuk memastikan mereka akan menjadi khalifah yang berguna untuk bangsa dan agama pada masa akan datang. Menurut Siti Rashidah Abd Razak (2013), guru adalah insan yang pertama dipertanggungjawabkan untuk mendidikan dan membentuk sahsiah dan jati diri murid di sekolah. Oleh itu, pembentukan akhlak dan jati diri murid bukan hanya bermula di rumah sahaja malah ia juga terlahir daripada sekolah. Justeru, peranan guru dalam Pendidikan Islam sangat penting kerana dalam erti kata lain, proses mendidik merekalah yang





bertanggungjawab dan memastikan keberkesanan ilmu diperolehi serta mereka juga yang menentukan arah pendidikan tersebut. Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang penting dalam membentuk generasi beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan berketerampilan pada masa hadapan. Pendidikan Islam perlu sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Binti Che Husain 2008). Selain itu, menurut Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad (2015), menyatakan dalam kajiannya Pendidikan Islam merupakan wadah penting yang dapat membentuk dan melahirkan insan yang seimbang dan sepadu dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam. Justeru, Pendidikan Islam merupakan matapelajaran wajib yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah yang bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak.



Selain itu, apabila dikaitkan dengan dunia pemodenan dan globalisasi semestinya ia akan berhubungkait dengan teknologi dunia semasa. Tidak dinafikan, teknologi pada masa kini mampu dipelajari dengan lebih mudah dan tidak perlu mengambil masa begitu lama serta ia dapat dipelbagaikan. Namun begitu, menjadi kebiasaan guru pada masa kini telah dilatih atau dipelajari berkaitan dengan teknologi sewaktu mereka menuntut ilmu di universiti dahulu. Ini bukanlah menjadi penghalang bagi mereka untuk sentiasa mempelbagaikan lagi kaedah isi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih kreatif dan inovasi bagi menarik minat murid terutamanya ilmu berkaitan dengan Pendidikan Islam. Pentingnya, Strategi pengajaran abad 21 merupakan agenda kerajaan untuk menghasilkan proses





Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) yang lebih baik. (Mohd Rijalul Aini Arba'Ain, Maizatul Hayati Mohamad Yatim 2022).

Era revolusi 4.0 revolusi digital yang telah didatangi oleh teknologi yang menghubungkan manusia dalam interaksi aktiviti seharian. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi adalah suatu pemudahcara pembelajaran dan pengajaran. (KPT,2011). Selain itu, model pembelajaran Interaksi Abad 21 dalam pendidikan haruslah merangkumi dari segala aspek komunikasi dua hala, kreatif dan inovasi, serta bercorak kreativiti dan paling penting bukan sekadar 'chalk and talk' di antara dua hala. Perancangan dan keperluan bahan alat bantu mengajar yang berkesan juga perlu digunakan dalam sesi PdPc kerana pembelajaran Pendidikan Islam lebih kepada fakta dan perlaksanaan amali secara praktikal yang memerlukan kaedah pembelajaran menarik seperti aktiviti PAK-21. Menurut kajian lepas oleh Alizah Lambri, Zamri Mahamood (2019) menyatakan aspek pembelajaran yang berkesan menekankan perancangan yang rapi yang berdasarkan ketetapan objektif, isi pelajaran, strategi, kejelasan pendekatan serta kerelevanan bahan-bahan pengajaran. Tambahan pula. pemilihan isi pelajaran, aktiviti serta bahan-bahan pembelajaran yang bersifat kontekstual yang bermakna dapat memberikan implikasi positif kepada para pelajar. Sesi pdp yang dijalankan ini merupakan satu inisiatif Model Pembelajaran Interaksi Abad 21 yang memberi pendekatan pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Semua pendidik mempunyai hasrat dan tekad yang sama iaitu ingin melahirkan murid yang berjaya dan berdaya saing dalam kehidupan abad ke-21. (Ng Lee Ching, Hazura binti Abdul Rahim, Zubaidah binti Salamat 2020).



Secara tuntasnya, demi melahirkan murid yang cemerlang dan berkualiti yang mempunyai akhlak mulia serta mempunyai wawasan yang tinggi, gurulah berperanan penting dalam memastikan pendidikan yang diberi sepanjang sesi pdp diserap dalam diri murid. Hal demikian, amalan pengajaran yang berkesan ketika dalam kelas mampu mengubah murid untuk menjadi seorang yang berdisiplin, berkualiti dan insan yang berguna kelak. Justeru, pentingnya Model Pembelajaran digital interaktif dalam pendidikan iaitu pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar dalam Pendidikan Islam. Ini kerana model pembelajaran digital interaktif adalah suatu kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat tahap pengetahuan, penerimaan dan penguasaan pelajar dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

1.3 Pernyataan masalah

Pelbagai isu diperkatakan dan dibincangkan berkaitan dengan pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam memastikan keberkesanan pengetahuan, penerimaan dan pengetahuan murid dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif, kedua-dua pihak di antara guru dan pelajar itu berperanan penting dalam menjayakan pelaksanaan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun begitu, masih ada lagi segelintir kalangan guru di Malaysia ini tidak menggunakan serta mengaplikasikan Model Pembelajaran Digital Interaktif. Hal ini, seharusnya guru perlu berubah dari amalan pengajaran berteraskan kepada kaedah yang berbeza pada pembelajaran berpusatkan murid serta mengaplikasikan pengajaran yang lebih kreatif dan inovasi kepada mereka mengikut peredaran masa dan zaman. Ini bertujuan untuk memberi penekanan kemahiran berfikir serta pembelajaran sendiri yang berasaskan Teknologi maklumat dan Komunikasi (TMK).



Menurut kajian lepas oleh Christine Anak Linsah & Zamri Mahamod (2018) dalam perbahasan yang dinyatakan di antara salah satu permasalahan yang sering di anggap ia sudah lapuk namun masih lagi diamalkan sehingga hari ini ialah kaedah pengajaran chalk and talk ia sudah tidak relevan dengan gaya Model Pembelajaran Digital Interaktif kerana ianya kurang memberi impak yang maksimum kepada perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif. Antara ciri-ciri Model Pembelajaran Digital Interaktif Pendidikan Islam haruslah merangkumi dari segala aspek komunikasi dua hala, kreatif dan inovasi, serta bercorak kreativiti yang melibatkan teknologi. Isu terhadap tanggapan negatif serta minat pelajar yang rendah terhadap pembelajaran Pendidikan Islam turut menjadi isu yang perlu diketengahkan.

Ini kerana kajian lepas oleh Nik Rosila Nik Yaacob (2009) berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat antara 40 hingga 48 peratus pelajar yang menyatakan tidak berminat atau kurang berminat terhadap Pendidikan Islam. Kebanyakan murid tersebut yang kurang berminat dengan sesebuah matapelajaran tersebut adalah kerana kurang tarikan gaya pembelajaran yang kurang menarik minat murid dan tidak mengikut peredaran zaman teknologi yang semakin hari kian canggih. Seharusnya, pendekatan ini memanfaatkan sistem teknologi untuk meningkatkan interaktiviti dan efektiviti antara guru dan murid di mana guru adalah sebagai rujukan serta fasilitator manakala murid dapat mengakses bahan pembelajaran digital yang terkini dengan lebih berkualiti. Secara tidak langsung, model ini dapat membantu meningkatkan kemahiran murid berkenaan penggunaan teknologi dan memberi pengalaman pembelajaran yang lebih baik.

Tambahan pula, perancangan, persediaan dan keperluan bahan alat bantu mengajar yang berkesan juga perlu digunakan dalam sesi PdP kerana pembelajaran



Pendidikan Islam lebih kepada fakta dan pelaksanaan amali secara praktikal yang memerlukan kaedah pembelajaran menarik seperti Model Pembelajaran Digital Interaktif. Menurut kajian lepas oleh Alizah Lambri, Zamri Mahamood (2019) menyatakan aspek pembelajaran yang berkesan menekankan perancangan yang rapi yang berdasarkan ketetapan objektif, isi pelajaran, strategi, kejelasan pendekatan serta kerelevanan bahan-bahan pengajaran yang berasaskan teknologi. Oleh itu, pengkaji berpandangan bahawa Model Pembelajaran Digital Interaktif adalah satu pendekatan yang lebih baik dalam menghayati amalan pembelajaran yang lebih berkualiti tinggi. Dapatlah ditekankan di sini bahawa melalui pembelajaran digital, ia dapat meningkatkan lagi potensi dan minat pelajar serta kaedah pembelajaran secara inklusif dan holistik dapat dipraktikkan.

1.4 Tujuan Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui keberkesanan pembelajaran menggunakan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam kalangan murid Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Bukit Sentosa, Rawang Selangor.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:



- 1) Mengenalpasti kemahiran murid dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif sebagai modul pengajaran.
- 2) Mengenalpasti tahap pengetahuan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Sentosa, Rawang Selangor.
- 3) Mengenalpasti tahap penerimaan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Sentosa, Rawang Selangor.
- 4) Mengenalpasti penerapan Modul Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Sentosa, Rawang Selangor.
- 5) Mengenalpasti faktor yang menyokong dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam.



1.6 Persoalan Kajian

Bagi mencapai tujuan dan objektif di atas, kajian ini dirancang bagi menjawab beberapa soalan kajian seperti berikut:

SK1: Apakah tahap kemahiran murid dalam penggunaan Model Pembelajaran Digital Interaktif sebagai modul pengajaran.



SK2: Apakah tahap pengetahuan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif Pendidikan Islam di Bukit Sentosa, Rawang Selangor?

SK3: Apakah tahap penerimaan murid terhadap pelaksanaan Model Pembelajaran Digital Interaktif Pendidikan Islam di Bukit Sentosa, Rawang Selangor?

SK4: Apakah penerapan modul pembelajaran digital interaktif dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Sentosa, Rawang Selangor.

SK5: Apakah faktor yang menyokong murid dalam Model Pembelajaran Digital Interaktif Pendidikan Islam di Bukit Sentosa, Rawang Selangor?

1.7 Hipotesis Kajian

Kerangka teori kajian dibina supaya objektif kajian tercapai seperti yang dirancang. Bagi soalan kajian (SK) pertama, kedua, ketiga, keempat dan kelima data diperoleh dengan menganalisis dan menghuraikannya secara deskriptif dengan menggunakan skor min, peratusan dan sisihan piawai.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian dibina supaya objektif kajian tercapai seperti yang dirancang. Tambahan pula, teori ini dapat membantu perkembangan pembelajaran teknologi



serta informasi yang dapat dimanfaatkan oleh pendidik untuk meningkatkan lagi sistem pendidikan dalam menciptakan likungan pembelajaran itu sendiri serta gaya pembelajaran murid mengikut peredaran masa. Namun begitu, terdapat tiga teori kompetensi di dalam beberapa kajian yang sesuai digunakan sebagai asas panduan untuk mengukur dan menilai tahap kemahiran digital seseorang individu. Antaranya adalah Teori Boyatzis (1982), Teori Spencer dan Spencer (1993) dan Teori Cheetam dan Chivers (1996).

Teori-teori kompetensi telah dikenal pasti dan digunakan berdasarkan sembilan kajian sorotan susastera. Menurut kajian lepas yang pertama Teori Boyatzis (1982) yang diperolehi dari kajian (i) Kompetensi Pengetua Sekolah Vokasional di Sulawesi Selatan (Ma'sa 2017), (ii) Kompetensi Pembelajaran, Struktur Organisasi dan Prestasi Perusahaan Kecil dan Sederhana di Utara Semenanjung Malaysia (Halipah & Samsudin 2016) dan Kepimpinan Berkualiti : Perspektif mengenai Kompetensi yang Diperlukan untuk Memimpin dengan Berkesan (Mansor et al. 2016). Kajian kedua pula bagi kajian analitik adalah Teori Spencer dan Spencer (1993) yang diperolehi dari kajian lepas iaitu (1) Strategi Pengembangan Kompetensi Spencer pada MEC (Mandiri Entrepreneur Center) Surabaya Guna Meningkatkan Kinerja Staf Pengajar (Rosi 2018) ; (ii) Pembangunan Model Kompetensi Kemahiran Hijau ke arah Peningkatan Kompetensi Pensyarah Politeknik di Malaysia (M.Said et al. (2015) dan (iii) Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Kokurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Mersing (Norhidayati Hassan & Muhammad Hussin 2018).

Manakala bagi kajian analisis ketiga pula menjelaskan teori Cheetam dan Chivers (1996) yang diperolehi melalui kajian (i) Pengajaran Holistik Guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Negeri Bandar Makassar, Sulawesi Selatan,



Indonesia (Ernawati 2015). (ii) Peranan Ekspatriat dalam Memperkukuh Kompetensi Teras Syarikat (Prihadyanti et al. 2017); (iii) Pendekatan Pelaksanaan Pendidikan Perakaunan Berasaskan Sosial dan Persekitaran (Kusumawardani et al. 2017) dan (iv) Kesan Persekitaran Organisasi dan Kompetensi Profesional terhadap Keberkesanan Pengurusan Pengetua Sekolah (Nurhemah 2017).


Berdasarkan teori kompetensi yang telah dibincangkan pada kajian lepas di atas, ketiga-tiga teori ini dibuat perbandingan dan persamaan bagi mencari teori yang boleh digunakan untuk mengukur kompetensi (Shah Rulbani et al. 2017). Terdapat tiga elemen dalam teori kompetensi yang memainkan peranan penting untuk mengukur tahap kompetensi kemahiran digital. Antaranya, kompetensi peribadi yang merupakan elemen pertama dalam menentukan kejayaan kompetensi kemahiran digital. Dari aspek pendidikan, dapatan kajian Rohani Arbaa et al.(2010) melalui kajian Goliung et al.(2017) menjelaskan ciri-ciri peribadi seseorang pendidik amatlah mempengaruhi serta memberi kesan dalam meningkatkan pembelajaran murid. Tambahan pula, ciri-ciri murid berperanan penting dalam meningkatkan penglibatan intelektual dan secara tidak langsung menggalakkan lagi aktiviti yang berorientasikan digital.

Selain itu, kompetensi kemahiran yang merupakan salah satu indikator yang diperlukan untuk memenuhi pasaran kerja. Hal demikian kerana, dalam konteks pembelajaran Mohd Rusdin & Ali (2019) melalui kajiannya menyatakan pengintegrasian teknologi maklumat dalam sesi PdP akan mendedahkan kepada pelajar tentang kemahiran dalam abad ke-21 seperti kemahiran maklumat, kemahiran membuat kolaborasi dan kemahiran pembelajaran sendiri. Seterusnya kompetensi pengetahuan yakni ia melengkapkan di antara peribadi dan kemahiran. Antara ciri-

ciri pengetahuan yang dikemukakan oleh van Laar et al. (2017) beliau menyatakan pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu melalui pembelajaran, cara berfikir dan menyelesaikan masalah dalam sesuatu permasalahan ia

memberikan impak yang lebih besar berbanding pengetahuan terhadap perisian tertentu sahaja. Hal ini kerana, kemahiran digital dalam abad ke-21 ini agak sukar untuk dilaksanakan tanpa pengetahuan yang mencakupi.


Berikut merupakan teori-teori yang digunakan oleh pengkaji:



Rajah 1.1: Teori Kompetensi

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan teori-teori yang dipilih, pengkaji telah membina kerangka konsep kajian yang mengkaji Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam. Kajian ini telah disesuaikan dengan teori yang dipilih. Perkara ini amat penting bagi menjawab persoalan-persoalan kajian yang ada dan bertujuan untuk memastikan kajian ini tidak lari daripada matlamat asalnya. Berikut merupakan kerangka konseptual kajian yang dilakukan oleh pengkaji.



Rajah 1.2: Kerangka konseptual kajian berdasarkan Teori Kompetensi



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam. Selain itu, kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada murid Pendidikan Islam tingkatan 2 tentang pembelajaran abad ke-21 khususnya berkaitan teknologi semasa. Secara tidak langsung, hal ini membantu pengkaji untuk mengenal pasti tahap keberkesanan penggunaan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam dapat dipertingkatkan lagi kemahiran pengajaran dan pembelajaran agar pelaksanaannya menjadi lebih menarik dan berkesan. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat tahap penguasaan, pengetahuan dan penerimaan murid bagi mengakses bahan pembelajaran digital yang terkini dengan lebih berkualiti dan lebih mudah untuk digunakan. Malah, melalui kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu tentang Model Pembelajaran Digital Interaktif dan seterusnya dapat memberikan cadangan penambahbaikan bagi menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif di Bukit Sentosa, Rawang Selangor.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian untuk melihat tahap keberkesanan dalam menggunakan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan murid di daerah Bukit Sentosa, Rawang Selangor. Fokus kajian ini ialah cara pengajaran guru di sekolah dan murid yang terlibat adalah dari tingkatan 1-4 yang mana hampir seramai hampir 100 orang responden. Kajian ini hanya terbatas kepada pelaksanaan mengakses bahan pembelajaran digital yang terkini dengan lebih berkualiti dan berkesan untuk digunakan semasa PdP.



Seterusnya, subjek kajian pula hanya terbatas kepada guru dalam usaha mereka untuk mengaplikasikan Model Interaksi Pembelajaran Abad ke-21 dengan sebaik mungkin atau sebaliknya. Kajian ini dilakukan secara terperinci berkaitan dengan Model Pembelajaran Digital Interaktif bagi membantu murid memahami dengan lebih jelas.

1.12 Definisi Istilah Kajian

Bagi memudahkan kajian ini dijalankan, beberapa istilah perlu dijelaskan secara terperinci dalam konteks kajian yang dijalankan. Berikut merupakan beberapa definisi istilah yang telah digunakan dalam kajian ini:

1.12.1 Pembelajaran Digital

Era revolusi 4.0 moden atau era digital pada hari ini telah berkembangnya dunia dengan ilmu pengetahuan melalui teknologi yang kian pesat setanding dengan negara-negara maju yang mempunyai rangkaian kelajuan internet 5G. Namun begitu, perkembangan teknologi pada hari ini menyebabkan penyebaran informasi dan pengetahuan ilmu mahupun isu semasa ke seluruh dunia tanpa adanya penembusan jarak, tempat ruang dan waktu. Justeru, perkembangan pendidikan juga mengalami perkembangan yang sangat pesat sehinggakan wujudnya pembelajaran digital (*digital learning*).

Dengan memanfaatkan perkembangan teknologi, komunikasi dan informasi tersebut, maka ia mampu menjangkau lapisan masyarakat tanpa kira bangsa, agama dan negara. Tambahan pula, pembelajaran digital juga mencakupi segala aspek dari segi peralatan, aplikasi yang berbeza untuk

semua jenis metod pembelajaran yang menggunakan penerapan teknologi digital.

1.12.2 Digital Interaktif

Pentingnya perlaksanaan pdp dengan lebih sistematik kerana tanpa ada proses yang teratur oleh pendidik maka sesi pdp tersebut tidak akan mencapai objektif. Justeru kewujudan digital interaktif ini adalah satu kelebihan untuk meningkatkan perkembangan sistem pendidikan sejajar dengan perkembangan era moden. Definisi digital berasal dari kata *digitus* dalam Bahasa Yunani ia dipanggil *jari-jemari*. Namun begitu, apabila jari-jemari tersebut dihitug maka akan menunjukkan bilangan 1-10 yakni terdiri dari 2 radix iaitu 1-10 yang mana semua sistem perisian komputer menggunakan digital sebagai asas datanya. Manakala interaktif adalah satu kebaikan yang ditawarkan oleh multimedia. Perkataan 'interaktif' menurut kamus Dewan Bahasa adalah saling bertindak yakni. Definisi yang lain (Kaur, 1996) interaktif adalah sebagai pemilihan arahan yang telah diprogram oleh pelajar itu sendiri secara aktif dan tersusun agar sesi pdp itu akan lebih bermakna dan menyeronokkan kerana adanya komunikasi. Justeru dapat disimpulkan di antara digital dan interaktif sebenarnya saling berkait rapat dan ia memerlukan pada sesi pdp untuk meningkatkan kemahiran murid dari segi kefahaman ilmu tersebut dalam penggunaan teknologi.

1.12.3 Gaya Pembelajaran

Terdapat banyak teori yang dikemukakan oleh sarjana mengenai gaya pembelajaran. Menurut Teori Model Sahsiah yang menjelaskan bagaimana

pelajar berinteraksi di bilik kuliah. Model ini juga menilai pengaruh sahsiah dalam pendekatan murid untuk mendapatkan maklumat dan menggunakan maklumat tersebut dengan sebaiknya. Namun begitu, gaya pembelajaran merupakan pendekatan atau cara bagaimana seseorang itu belajar dalam meperolehi ilmu pengetahuan. (Dr Ragbir Kaur Joginder Singh, 2012). Gaya pembelajaran ini adalah satu kepentingan yang perlu ditekankan kepada murid-murid untuk dapat menarik perhatian dan minat supaya mereka memperolehi ilmu yang berkesan.

1.12.4 Pendidikan Islam

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang penting dalam membentuk generasi beriman, bertaqwa, berakhlak mulia dan berketerampilan pada masa hadapan. Pendidikan Islam perlu sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu (Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Faridah Binti Che Husain 2008). Selain itu, menurut Asmawati Suhid, Abd. Muhsin Ahmad, Syaza Mohd Sabri & Azreen Effendy Mohamad (2015), menyatakan dalam kajiannya Pendidikan Islam merupakan wadah penting yang dapat membentuk dan melahirkan insan yang seimbang dan sepadu dari sudut intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang bertepatan dengan ajaran Islam. Justeru, Pendidikan Islam merupakan matapelajaran wajib yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah yang bertujuan melahirkan insan yang soleh, beriman, beramal dan berakhlak.

1.13 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab 1 ini pengkaji telah menjelaskan secara terperinci berkaitan pengenalan kajian, latarbelakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, batasan kajian, kepentingan kajian serta definisi istilah kajian. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan menghuraikan pula berkenaan dengan kerangka teori dan sorotan kajian lepas berkaitan dengan Model Pembelajaran Digital Interaktif dalam Pendidikan Islam.